

FPP

BizNewz

January - May 2024

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

USEFUL
INFORMATION
IN CHOOSING
ROBO-ADVISORY

Muscle

Memory!

Bunga Raya,
BUKAN BUNGA BIASA.

Gold

SECRET
OF DARTS

SAVING: 999 @ 916

AKU, DIA
NICU SIRI 8



Publication Date
1 June 2024

Tips Penjagaan Kain Songket Agar Lebih Berseri



Nor Hamiza Mohd Ghani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan
Terengganu, Malaysia

Adakah anda seorang peminat songket? Adakah anda juga seorang pemakai songket yang setia? Sedia maklum yang kita ketahui, harga fabrik songket yang agak mahal dimana iaboleh mencecah sehingga RM15,000 hingga RM20,000 sehelai jika dibandingkan dengan fabrik kain yang lain. Ianya mahal kerana pembuatannya yang agak rumit dan hasil kerja tangan yang halus yang menghasilkan corak yang tersergam indah. Bagi mengekalkan ketahanan dan memelihara fabrik yang unik ini ada caranya yang tersendiri.

Rujukan :

Yonada, D., (2023). Perawatan Kain Songket Agar Awet. Retrieved February 21,2024 from <https://www.cleanipedia.com/id/mencuci/kain-songket.html>

Ini adalah beberapa kaedah yang boleh saya kongsi untuk memelihara fabrik songket ketika hendak penyimpanan. Tujuannya adalah untuk memastikan kain songket tersebut tahan lama dan sentiasa kelihatan seperti baru. Semoga perkongsian tips ini membantu penggemar atau peminat kain songket menyimpan kain songket agar dapat digunakan dalam tempoh yang lama dan juga dapat diwarisi oleh anak cucu.

✿ Kaedah Pertama

Jika kain songket anda kotor selain daripada menghantar ke kedai dobi untuk cucian kering (dry cleaning), anda juga boleh membasuh sendiri. Basuh seperti biasa dengan sabun dan bilas tanpa memerah air. Biarkan kain tersebut mengering dengan sendiri dengan menyidai di ampaian. Pastikan ampaian tersebut tidak berada di bawah cahaya matahari, dan hanya anginkan kain tersebut. Ini memastikan cahaya matahari yang terik tidak melunturkan warna benang (Yonada, D., 2023).

✿ Kaedah Kedua

Bentangkan kain songket bersama-sama dengan sehelai kain pelikat, kemudian gulung secara memanjang sampai ke penghujung. Tujuan menggulung kain songket adalah memastikan benang tenunan songket tidak patah yang boleh merosakkan motif sesuatu songket itu. Oleh itu, anda dinasihatkan agar tidak melipat kain songket yang boleh menyebabkan kerosakan pada motif sesuatu songket.

✿ Kaedah Ketiga

Setelah itu, simpan gulungan songket tadi di dalam almari atau wardrobe anda dengan cermat. Pastikan kain songket tadi tidak dihempap oleh fabrik atau pakaian lain. Selain itu, elakkan menggosok kain songket kerana boleh merosakkan kualiti benang emas atau perak itu sendiri.

✿ Kaedah Keempat (kaedah lama)

Kaedah gerus digunakan untuk melicin dan mengilatkan permukaan songket. Kaedah ini menggunakan kulit siput gawang agar kain songket lebih berseri untuk jangka masa yang lama.



BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com